

Headline	ERAT PERSAHABATAN promosi destinasi		
MediaTitle	Metro Ahad	Color	Full Color
Date	17 Jan 2016	Circulation	1,270,667
Section	Supplement	Readership	3,812,000
Page No	E6	ArticleSize	739 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 29,112
Journalist	aniza zainudin	PR Value	RM 87,336
Frequency	Daily		



ERAT PERSAHABATAN

promosi destinasi

Siswa MEDIU tawan Bukit Broga sebagai persediaan mental, fizikal hadapi peperiksaan akhir

Oleh Aniza Zainudin

anizazainudin@
hmetro.com.my

Serampang dua mata bakal menduduki pepe- Mencari ketenangan riksaan akhir. Ia juga ber- menyaksikan keinda- tujuan mewujudkan hu- han alam sambil mengerat- bungan persahabatan erat kan ukhwah antara pelajar antara pelajar.

"Pemilihan Bukit Broga sebagai lokasi ekspedisi juga dilihat bertepatan untuk mempromosikan destinasi menarik di tanah air kepada pelajar asing," katanya.

Sebelum menghadapi 'peperangan' dalam pe- periksaan akhir semester, program disertai 110 pelajar tempatan dan antarabangsa diadakan selama dua hari, iaitu pada 12 dan 13 Disember lalu.

Presiden MPP MEDIU, Ahmad Syazwan Zainal Abidin berkata ekspedisi berkenaan dirancang selama dua minggu, termasuk pemilihan tarikh dan lokasi pendakian.

"Ekspedisi ini dibahagikan dua hari. Hari pertama bagi pendakian 69 siswa, manakala hari kedua khusus untuk 41 siswi. Program ini diadakan sebagai persediaan mental dan fizikal peserta yang

dakian Bukit Broga buat kali keempat.

"Saya sangat aktif mendaki dan kali ini juga tidak mengecewakan apabila dapat melakukan ekspedisi bersama teman sekuliah yang lain.

"Sebagai persediaan, saya turut melakukan beberapa aktiviti lasak termasuk Skytrex Extreme Challenge dan mendaki di FRIM Kepong.

"Sebenarnya pendakian ini turut memberi cabaran kepada saya. Ini kerana pendakian bermula sejurus hujan lebat, lantas laluan berlumpur dan licin," kata siswi tahun ketiga jurusan Bahasa Arab dan Kesusteraan ini.

Meskipun mengenakan niqab, wanita berusia 24 tahun ini membuktikan pakaian Muslimah sejati tidak menghalang dirinya untuk melakukan aktiviti lasak.

Selain melihat keindahan alam semula jadi, Khodijah berkata program ini dapat merapatkan hubungan silaturahim antara rakan dari fakulti yang berbeza.

Menurut Timbalan Ke-


tua Pegawai Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Pelajar MEDIU, Prof Dr Wan Sulaiman Wan Yusoff, Ekspedisi Bukit Broga 2015 membuka perkongsian tersendiri mengenai sejarah dan keunikan Malaysia kepada pelajar asing.

"Nama Bukit Broga juga dikatakan berasal dari perkataan Buragas, sejenis makhluk besar yang mendiami kawasan ini dahulukala. Ada yang mengatakan namanya turut diambil sempena sebatang sungai, Sungai Beroga.

"Ekspedisi ini turut mendedahkan kedudukan geografi Bukit Broga. Ekspedisi ini dapat mempromosikan semangat setia kawan dan mensyukuri diri sebagai hamba Allah SWT dengan keindahan alam semula jadi.

"Disertai pelajar antarabangsa, kita boleh menyifatkan mereka ini bakal menjadi duta kecil Malaysia untuk membawa nama lokasi indah dan berharga Bukit Broga ke serata tanah air masing-masing," katanya dalam satu kenyataan.

Headline	ERAT PESAHABATAN promosi destinasi		
MediaTitle	Metro Ahad	Color	Full Color
Date	17 Jan 2016	Circulation	1,270,667
Section	Supplement	Readership	3,812,000
Page No	E6	ArticleSize	739 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 29,112
Journalist	aniza zainudin	PR Value	RM 87,336
Frequency	Daily		



PROFIL

NAMA: Ahmad Syazwan Zainal Abidin
UMUR: 25 tahun
ASAL: Wakaf Bharu, Kelantan
JURUSAN: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusasteraan


PROFIL

NAMA: Khodijah Mohd Abd Hakim
UMUR: 24 tahun
ASAL: Denver, Colorado
JURUSAN: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusasteraan



INGIN menyaksikan keindahan alam.

Headline	ERAT PESAHABATAN promosi destinasi		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	17 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	E6	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	739 cm ²
Journalist	aniza zainudin	AdValue	RM 29,112
Frequency	Daily	PR Value	RM 87,336



ANTARA pelajar wanita yang mengikuti ekspedisi.



PESERTA lelaki pada hari pertama.



PELAJAR wanita yang mendaki pada hari kedua.